



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Strategi Pelaburan KWSP Berhasil](#)

Utusan Malaysia - Strategi Pelaburan KWSP Berhasil

Rabu, Mei 31 2017



Strategi pelaburan KWSP berhasil

KUALA LUMPUR 30 Mei - Strategi pelaburan yang dilaksanakan oleh Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) membuahkan hasil apabila jumlah pendapatan pelaburannya melonjak 73.9 peratus kepada RM11.79 bilion bagi suku pertama tahun ini.

Pengarah Eksekutif Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER), **Dr. Zakaria Abdul Rashid** berkata, perkembangan itu memberi gambaran persekitaran ekonomi yang positif, khususnya dari aspek pulangan pelaburan memandangkan KWSP antara pelabur terbesar dalam negara.

"Pada pandangan saya, peningkatan ini disumbang oleh strategi pelaburan KWSP dengan membuat keputusan, melaksanakan pendekatan serta langkah yang baik. Dalam erti kata lain, mereka bijak memilih portfolio pelaburan.

"Sebagai tabung dana awam, KWSP sememangnya perlu membuat pelaburan yang baik, bijak serta membawa pulangan sewajarnya supaya mampu memberi dividen atau bonus kepada pencarum," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam satu kenyataan hari ini, KWSP memaklumkan pendapatan pelaburannya melonjak 73.9 peratus kepada



ZAKARIA ABDUL RASHID

RM11.79 bilion bagi suku pertama tahun ini berbanding RM6.78 bilion dalam tempoh sama tahun lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, prestasi memberangsangkan itu didorong oleh peningkatan ketara pasaran domestik dan global dalam tempoh suku tersebut.

Dalam pada itu, Profesor Ekonomi di Fakulti Perniagaan Universiti Sunway, **Prof. Dr. Yeah Kim Leng** memberitahu, KWSP perlu dipuji kerana strateginya membawa impak yang



YEAH KIM LENG

sangat positif kepada pendapatan pelaburannya.

Beliau juga bersependapat dengan Zakaria apabila menyatakan KWSP memilih portfolio pelaburan yang betul ketika persekitaran pasaran saham dunia berada dalam prestasi baik.

"Saya fikir strategi pelaburan yang dilaksanakan KWSP ketika ini telah berjaya melonjak prestasi pelaburan mereka, sama ada domestik atau pun global. Mereka wajar dipuji dan pencarum perlu berasa gembira dengan petunjuk awal ini," jelas beliau.

UTUSAN



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

